

## Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd

### Deposit Account-i and Debit Card-i Declaration and Authorisation (Version and Effective Date: 1 October 2022)

#### Perakuan dan Kebenaran Akaun Deposit-i dan Kad Debit-i (Versi and Tarikh Kuat Kuasa: 1 Oktober 2022)

- 1. I confirm that all information provided by me herein and from time to time is correct, current and accurate and I hereby further agree that in the event that any such information is found to be false or incorrect, the Bank shall have the absolute right to reject my application or if the account, product or service has been offered, to cancel the account, product or service.**  
*Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di sini dan dari masa ke semasa yang diberikan oleh saya adalah benar, terkini dan tepat dan saya selanjutnya bersetuju bahawa sekiranya apa-apa maklumat tersebut didapati palsu atau tidak betul, Bank adalah berhak untuk menolak permohonan saya atau jika akaun, produk atau perkhidmatan tersebut telah ditawarkan, untuk membatalkan akaun, produk atau perkhidmatan tersebut.*
- 2. I understand that the Bank reserves the right to reject my application at the Bank's sole discretion without providing any reason.**  
*Saya memahami bahawa Bank berhak untuk menolak permohonan saya ini atas budi bicara mutlak Bank tanpa memberikan sebarang sebab.*
- 3. I understand that the Bank may evidence its acceptance of my application based on this Declaration and Authorisation, the General Terms and Conditions as well as the Specific Terms and Conditions applicable to the product that I have applied for by proceeding to make available the product to me.**  
*Saya memahami bahawa Bank boleh membuktikan penerimaan permohonan saya berdasarkan Perakuan dan Kebenaran ini, Terma dan Syarat Am serta Terma dan Syarat Khusus yang digunapakai untuk produk yang dipohon oleh saya dengan meneruskan penyediaan produk tersebut kepada saya.*
- 4. I confirm that I have read and understood the Product Disclosure Sheet, copies which are available at the Bank's website, in the mobile application or upon request.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Lebaran Pendedahan Produk, di mana salinannya boleh didapati di laman web Bank, dalam aplikasi mudah alih atau atas permintaan.*
- 5. I confirm that I have read, understood and hereby agree to be bound by this Declaration and Authorisation, the General Terms and Conditions as well as the Specific Terms and Conditions applicable to the product that I have applied for, copies which are available at the Bank's website, in the mobile application or upon request, and I agree to be bound by all future amendments thereto.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan Perakuan dan Kebenaran ini, Terma dan Syarat Am serta Terma dan Syarat Khusus yang digunapakai untuk produk yang dipohon oleh saya, di mana salinannya boleh didapati di laman web Bank, dalam aplikasi mudah alih atau atas permintaan, dan saya bersetuju untuk terikat dengan segala pindaannya pada masa akan datang.*
- 6. I confirm that I have been informed that the selected product is protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor. I confirm that I have read and understood the PIDM's DIS Brochure, copies which are available at the Bank's website or upon request.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya diberitahu bahawa produk yang dipilih dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami risalah DIS dari PIDM, di mana salinannya boleh didapati di laman web Bank atau atas permintaan.*

- 7. I understand that the approval of my application may be conditional upon the execution, delivery and perfection of documents required by the Bank.**  
*Saya memahami bahawa kelulusan permohonan saya mungkin tertakluk kepada penandatanganan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Bank.*
- 8. I confirm that I am not related to any director or staff of Al Rajhi Bank Group either as spouse / parent / child, siblings or deem as connected parties under the relevant laws.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya tidak mempunyai hubungan dengan mana-mana pengarah atau pekerja Al Rajhi Bank Group sama ada sebagai suami atau isteri/ibu bapa/ anak/ adik-beradik atau dianggap mempunyai pertalian di bawah mana-mana undang-undang.*
- 9. I confirm that I am making this application for myself and not on behalf of any other person.**  
*Saya mengesahkan bahawa permohonan ini dibuat untuk diri saya sendiri dan bukan bagi pihak orang lain.*
- 10. I confirm that I am not bankrupt and I am not aware of any bankruptcy petition filed against me.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya tidak mufliis atau saya tidak mengetahui adanya sebarang petisyen kebangkrapan yang diajukan terhadap saya.*
- 11. I confirm that I am not a Politically Exposed Person, not a family member of a Politically Exposed Person, and not a close associate of a Politically Exposed Person (each as defined in Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for Financial Institutions (AML/CFT and TFS for FIs) issued by Bank Negara Malaysia). I acknowledge that the Bank will rely on the information provided by me and this declaration until any change in circumstance is advised to the Bank in writing which I undertake to provide within 30 days of any change in circumstance.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya bukan Individu Yang Mempunyai Pengaruh Politik, bukan ahli keluarga kepada Individu Yang Mempunyai Pengaruh Politik, dan bukan sekutu rapat kepada Individu Yang Mempunyai Pengaruh Politik (masing-masing seperti yang ditakrifkan dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Institusi Kewangan (AML/CFT dan TFS untuk FI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia). Saya mengakui bahawa Bank akan bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh saya dan pengisytiharan ini sehingga sebarang perubahan dalam keadaan dimaklumkan kepada Bank secara bertulis yang mana saya berjanji untuk menyediakan dalam tempoh 30 hari dari sebarang perubahan dalam keadaan.*

## **PERSONAL DATA AND PRIVACY / DATA PERIBADI DAN PRIVASI**

- 12. I confirm that I have read and understood the Bank's Personal Data Protection Notice, copies which are available at the Bank's website, in the mobile application or upon request. I consent to the Bank processing my personal data for the purposes and to the extent stated in the notice. Where personal data of any security provider is provided to the Bank, I confirm that the security provider has consented to the processing of their personal data.**  
*Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Notis Perlindungan Data Peribadi Bank, di mana salinannya boleh didapati di laman web Bank, dalam aplikasi mudah alih atau atas permintaan. Saya dengan ini membenarkan Bank untuk memproses maklumat peribadi saya untuk tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Dimana data peribadi daripada mana-mana pemberi sekuriti diberikan kepada Bank, saya akui bahawa pemberi sekuriti telah bersetuju untuk memproses data peribadi mereka.*
- 13. I consent to the Bank to share any relevant information for the purpose of cross-selling, marketing, promotional activities with any person including without limiting any member of the Al Rajhi Bank Group, services providers, strategic business partners or third party (ies) provided always that such disclosure shall not be effected if such disclosure is objected by me by contacting the Bank at its customer service number.**

*Saya memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk berkongsi mana-mana maklumat yang relevan untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan aktiviti promosi dengan mana-mana pihak termasuk dan tidak terhad kepada ahli kepada Kumpulan Al Rajhi Bank, penyedia perkhidmatan, rakan perniagaan strategik atau pihak ketiga dengan syarat sentiasa bahawa pendedahan untuk tujuan tersebut tidak boleh dilaksanakan jika pendedahan sedemikian dibantah oleh saya dengan menghubungi Bank di nombor perkhidmatan pelanggan.*

## CONSENT FOR CREDIT AND BACKGROUND CHECK

### 14. I hereby irrevocably authorise and consent to the Bank to do the following:

*Saya dengan ini memberi kuasa mutlak dan kebenaran kepada Bank untuk melakukan seperti berikut:*

- (a) **to carry out credit history checks and/or verification deemed necessary by the Bank on me from whatever sources as deem suitable by the Bank from time to time including but not limited to, (i) my present or past employer; (ii) Business & Search Information Services Sdn Bhd (BASIS), the Central Credit Reference Information System (CCRIS), the Financial Information System (FIS), CTOS Data Systems Sdn Bhd (CTOS), Experian Information Services (Malaysia) Sdn Bhd (EXPERIAN), and/or any other credit reporting / reference agencies whether or not established or approved by Bank Negara Malaysia; for purposes of enabling the processing of the application and any processes thereafter once the application is approved, including but not limited to prevention of fraud, credit evaluation, monitoring, credit reviews and debt recovery purposes ("the said purposes") and I shall provide such assistance / access as the Bank may require; and**

*untuk menjalankan penyemakan sejarah kredit dan/atau pengesahan yang dianggap perlu oleh Bank ke atas saya dari mana-mana sumber yang difikirkan sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada (i) majikan saya yang lalu atau kini; (ii) Business & Search Information Services Sdn Bhd (BASIS), the Central Credit Reference Information System (CCRIS), the Financial Information System (FIS), CTOS Data Systems Sdn Bhd (CTOS), Experian Information Services (Malaysia) Sdn Bhd (EXPERIAN) dan/atau mana-mana agensi pelaporan kredit / agensi rujukan kredit lain sama ada atau tidak ditubuhkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia; untuk tujuan bagi membolehkan pemprosesan permohonan dan apa-apa proses selanjutnya jika permohonan tersebut diluluskan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengelakkan penipuan, penilaian kredit, pemantauan, pemeriksaan kredit dan bagi tujuan penyelesaian hutang ("tujuan tersebut") dan saya akan memberikan apa-apa bantuan / akses seperti yang dikehendaki oleh Bank; dan*

- (b) **to disclose my information, information relating to the account, product or services or information related to my relationship with the Bank, from time to time, within and outside of Malaysia, to such aforesaid party(s) to enable the Bank to complete the said purpose or for any other purpose that is required or permitted by any law, regulations, guidelines and/or relevant regulatory authorities;**

*untuk mendedahkan maklumat saya, maklumat yang berkaitan dengan akaun, produk dan perkhidmatan ini atau maklumat yang berkaitan dengan hubungan saya dengan Bank, dari semasa ke semasa, di dalam dan di luar Malaysia, kepada mana-mana pihak yang dinyatakan di atas untuk membolehkan Bank untuk menguruskan tujuan tersebut atau untuk apa-apa tujuan lain yang diperuntukkan atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkenaan.*

### 15. I irrevocably authorises and consents to the credit reporting / reference agencies whether or not established or approved by Bank Negara Malaysia to process and release my credit information / report to the Bank from time to time for the said purposes. Where the Bank requires any such processing to be further processed by its head office or any processing centre located outside Malaysia, I hereby give my consent to the said agencies to make such disclosure of my credit information / report to such locations outside Malaysia.

*Saya memberi kuasa mutlak dan kebenaran kepada agensi pelaporan kredit / agensi rujukan kredit sama ada atau tidak ditubuhkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk memproses dan memberikan maklumat kredit / laporan kredit saya kepada Bank dari semasa ke semasa bagi tujuan tersebut. Jika Bank mengkehendaki apa-apa pemprosesan maklumat diproses selanjutnya oleh*

*ibu pejabatnya atau mana-mana pusat pemprosesan yang terletak di luar Malaysia, saya dengan ini memberikan persetujuan saya kepada agensi-agensi tersebut untuk membuat pendedahan maklumat kredit / laporan kredit saya ke lokasi-lokasi di luar Malaysia tersebut.*

#### **TAX RESIDENCY DECLARATION / PENGISYTIHARAN PEMASTAUTIN CUKAI**

**16. I confirm that my information provided to the Bank including my name, identification document, mobile number, address, date of birth and country of birth are true, correct, complete and up-to-date in all respects. I confirm and certify that I am not a tax residence of any country or jurisdiction other than Malaysia. In particular, I confirm and certify that I am neither a U.S citizen nor U.S resident for tax purpose. I shall immediately discontinue my application if I am a tax residence in any country or jurisdiction other than Malaysia. I acknowledge that the Bank will rely on the information provided by me and this declaration until any change in circumstance is advised to the Bank in writing which I undertake to provide within 30 days of any change in circumstance. I understand that the Bank may require further documentation to be provided and tax residency declaration form completed if I have a tax residency other than Malaysia. I acknowledge that the Bank may disclose my information to tax authority and my information may be further exchanged by such tax authority to tax authority of another country or jurisdiction. I confirm that the Bank is not my tax advisor and I am to seek independent tax advice on my own tax obligation.**

*Saya mengesahkan bahawa maklumat saya yang diberikan kepada Bank termasuk nama, dokumen pengenalan diri, nombor telefon bimbit, alamat, tarikh lahir dan negara lahir saya adalah benar, betul, lengkap dan terkini dalam semua aspek. Saya engesahkan dan memperakui bahawa saya bukan pemastautin cukai mana-mana negara atau wilayah bidang kuasa asing selain Malaysia. Khususnya, saya mengesahkan dan memperakui bahawa saya bukan warganegara A.S. mahupun pemastautin A.S. untuk tujuan cukai. Saya akan segera menghentikan permohonan saya jika saya adalah pemastautin cukai di mana-mana negara atau wilayah bidang kuasa asing selain Malaysia. Saya mengakui bahawa Bank akan bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh saya dan pengisytiharan ini sehingga sebarang perubahan dalam keadaan dimaklumkan kepada Bank secara bertulis yang mana saya berjanji untuk menyediakan dalam tempoh 30 hari dari sebarang perubahan dalam keadaan. Saya faham bahawa Bank mungkin memerlukan dokumentasi lanjut untuk disediakan dan borang pengisytiharan pemastautin cukai dilengkapi jika saya mempunyai pemastautin cukai selain Malaysia. Saya mengakui bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat saya kepada pihak berkuasa cukai dan maklumat saya mungkin akan ditukar oleh pihak berkuasa cukai tersebut kepada pihak berkuasa cukai dari negara asing atau wilayah bidang kuasa asing. Saya mengesahkan bahawa Bank bukan penasihat cukai saya dan saya perlu mendapatkan nasihat cukai yang mengenai kewajipan cukai saya sendiri.*

#### **AGENCY APPOINTMENT / PELANTIKAN EJEN**

**17. I understand that the account will be structured based on the Shariah concept of Commodity Murabahah whereby I, or my agent, will sell an identified Shariah compliant commodity to the Bank at the sale price equal to the placement / deposit amount and total profit payable under the placement / deposit or renewal of the deposit placement upon maturity thereof with the Bank. The payment of sale price will be deferred and payable at the end of term of this placement / deposit.**

*Saya memahami bahawa struktur akaun ini adalah berdasarkan konsep Shariah Komoditi Murabahah di mana saya, atau wakil saya, akan menjual komoditi patuh Shariah yang telah dikenalpasti kepada Bank pada harga jualan bersamaan dengan jumlah peletakan/deposit dan jumlah keseluruhan keuntungan yang perlu dibayar untuk peletakan/deposit atau pembaharuan peletakan deposit apabila ia matang dengan Bank. Bayaran harga jualan akan ditangguhkan dan perlu dibayar pada akhir tempoh peletakan/deposit.*

**18. To facilitate the commodity trading process, I hereby irrevocably authorise and consent to the appointment of Al Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd [201001026991 (910910-A)] ("ARNT") as my agent (it is understood that this authorisation shall be irrevocable for the entire tenure of the account except if otherwise is mutually agreed by the contracting parties)**

**to undertake an independent role and function and execute specific tasks listed herein based on the contract of Wakalah bil Ujrah (agency with fee):**

*Untuk memudahkan proses penjualan komoditi, saya dengan ini memberi kuasa mutlak dan kebenaran untuk melantik Al-Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd [201001026991 (910910-A)] ("ARNT") sebagai wakil saya (di mana saya faham bahawa pemberian kuasa tersebut adalah mutlak sepanjang tempoh akaun ini kecuali jika dipersetujui bersama oleh pihak-pihak berkontrak) untuk menjalankan peranan dan fungsi secara bebas dan melakukan tugas-tugas yang spesifik seperti yang disenaraikan di dalam kontrak Wakalah bil Ujrah (agensi yang dibayar):*

**(a) to purchase the identified commodity from a supplier at the price equal to the placement / deposit amount or renewal of placement thereof with the aim to facilitate execution of the sale transaction as specified in the terms and conditions for the account,**

*untuk membeli komoditi yang telah dikenalpasti daripada pembekal pada harga yang bersamaan dengan jumlah peletakan/deposit atau pembaharuan peletakan dengan tujuan untuk memudahkan pelaksanaan transaksi jualan seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat akaun tersebut,*

**(b) upon completion of the purchase of the commodity (which includes completion of transfer of ownership and possession of the commodity represented by certificate(s)), to sell the commodity to the Bank at the sale price, equal to the placement / deposit amount plus profit, and payable at maturity of the term, and**

*selepas penjualan komoditi disempurnakan (yang mana penyempurnaan tersebut termasuk penyempurnaan pindahmilik dan milikan komoditi yang diwakili oleh sijil-sijil, untuk menjual komoditi tersebut kepada Bank pada harga jualan, bersamaan dengan jumlah peletakan/deposit ditambah keuntungan, dan perlu dibayar pada tempoh matang, dan*

**(c) generally, to execute all acts for the completion of the transactions specified in (a) and (b) above in accordance with the terms and conditions for the account.**

*secara amnya, untuk melaksanakan semua tugas bagi menyelesaikan urusan transaksi yang dinyatakan secara spesifik di (a) dan (b) di atas selaras dengan terma dan syarat akaun tersebut.*

**19. I acknowledge that ARNT will only act as my agent with regards to specific tasks above and will not assume, or be deemed to have assumed, any additional obligations to, or to have any special relationship with me.**

*Saya mengesahkan bahawa ARNT hanya akan bertindak sebagai wakil saya untuk tugas-tugas spesifik seperti di atas dan tidak akan mengandaikan, atau dikira telah mengandaikan apa-apa kewajipan tambahan atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan saya.*

**20. For Shariah compliant reason, I acknowledge that the Bank may treat my authorisation and consent provided herein as if it is provided on a document separate and distinct from this application form. I acknowledge that ARNT AS A LEGAL ENTITY THAT IS SEPARATED AND INDEPENDENT FROM THE BANK will handle these tasks on my behalf. By making this declaration, I acknowledge that once my application is accepted by the Bank, this agency appointment will operate as an arrangement separate from the terms and conditions from the account.**

*Atas sebab yang mematuhi Shariah, saya mengakui bahawa Bank boleh menggunakan kebenaran dan persetujuan saya di sini seolah-olah ia disediakan pada dokumen yang berasingan dan berbeza daripada borang permohonan ini. Saya mengakui bahawa ARNT SEBAGAI ENTITI YANG SAH DI SISI UNDANG-UNDANG DAN BEBAS DARIPADA BANK akan mengendalikan tugas-tugas ini bagi pihak saya. Dengan perakuan ini, saya mengakui bahawa sebaik sahaja permohonan saya diterima oleh Bank, pelantikan agensi ini akan beroperasi sebagai aturan yang terpisah daripada terma dan syarat akaun tersebut.*

**Notes: / Nota:**

**The Malay version of this Declaration and Authorisation is a translation from the English version. If there is any contradiction, the English version shall prevail.**

*Versi Perakuan dan Kebenaran dalam Bahasa Melayu adalah terjemahan daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.*